

"Fitnah bantut pertumbuhan bangsa Melayu"

SHAH ALAM: Ahli Pemuda Umno yang sangsi berhubung fitnah disasarkan kepada Naib Ketua pergerakan itu, Khairy Jamaluddin di minta mendapatkan kopastian daripada pemimpin itu sendiri.

Exco Pemuda Umno, Reezal Merican Naina Merican, berkata ahli yang yakin dengan apa yang dinyatakan Khairy harus turun ke akar umbi untuk menerangkan perkara sebenar.

Katanya, tohmahan yang dilemparkan terhadap Khairy membuktikan banyak cabaran dilalui Pemuda Umno serta mengetahui muslihat dan tujuan pihak berkenaan menyebarkan fitnah berkenaan.

"Fitnah ini antara perkara yang boleh membantutkan pertumbuhan bangsa Melayu yang kini masih jauh ketinggalan berbanding bangsa lain.

"Jika ada ahli tidak berpuas hati dengan kepemimpinan, mereka perlu menyuarakan rasa mengikut cara sewajarnya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Kota Raja di sini, semalam.

Ditanya adakah fitnah itu berpunca daripada dalam pergerakan itu, Reezal Merican berkata, beliau tidak tahusiapa yang memulakannya.

Katanya, jika terbukti perkara yang disebarkan itu tidak benar, pihak yang memfitnah perlu bertanggungjawab terhadap perbuatannya.

Beliau berkata, fitnah terhadap Khairy yang juga menantu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bukan lagi mengenai peribadinya tetapi membabitkan jawatan Naib Ketua Pemuda.

Katanya, fitnah mengatakan beliau ejen Singapura dan berkahwin dengan pengacara terkenal, Maya Karin, yang disebarkan melalui internet, e-mel dan khidmat pesanan ringkas (SMS) memberikan imej buruk pergerakan itu.